

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendekatan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans Dandang dan Bejana Tekanan anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh: dd.mm.yyyy

1

Apakah itu insurans Dandang dan Bejana Tekanan?

Polisi insurans Dandang dan Bejana Tekanan ini menyediakan perlindungan bagi kerosakan pada dandang dan bejana tekanan anda yang disebabkan oleh letupan atau runtuh dandang atau bejana tekanan.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM750.00 setahun, anda akan menerima perlindungan seperti berikut:

Polisi ini melindungi:

- Kerosakan (selain akibat kebakaran) pada dandang atau bejana tekanan;
- Liability anda di sisi undang-undang bagi kerosakan ke atas harta yang bukan kepunyaan anda;
- Liability anda di sisi undang-undang atas sebab kecederaan maut dan bukan maut ke atas sesiapa sahaja selain para pekerja atau petugas anda ataupun ahli keluarga anda; yang disebabkan oleh dan semata-mata kerana letupan atau runtuh dandang atau bejana tekanan yang dinyatakan di dalam jadual Polisi Ketika menjalankan kerjanya seperti biasa.

Polisi ini tidak melindungi:

- Kerosakan atau liability disebabkan oleh atau yang timbul akibat:
- Kecacatan kerana kehausan dan kelusuh bahan-bahan sebab kebocoran, kakisan, kepatahan, kegagalan sambungan, kebonjolan, perubahan bentuk sebab tiub-tiub yang terlampau panas (melainkan jika kecacatan tersebut mengakibatkan letupan atau keruntuhan);
 - Kegagalan tiub-tiub individu di dalam dandang atau tiub air, lokomotif atau pelbagai jenis tiub lain (melainkan jika kecacatan tersebut mengakibatkan letupan atau keruntuhan);
 - Kerosakan ke atas harta kepunyaan anda yang disebabkan oleh kebakaran yang berpunca daripada letupan atau keruntuhan;
 - Tindakan sengaja atau kecuai sengaja anda;
 - Kerugian yang dialami sebab pemberhentian kerja
 - Taufan, hurikan, letusan gunung berapi, gempa bumi atau konvulsi semulajadi yang lain;
 - Peperangan, perang saudara, serangan, tindakan musuh asing, dahagi, kekacauan, mogok atau rusuhan awam.

Tempoh perlindungan adalah selama setahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Dandang dan Bejana Tekanan, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
allianz.com.my/boiler-pressure-vessel-insurance



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
diatas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada perlindungan dan keperluan pengunderaitan Allianz.

Untuk tujuan ilustrasi, bagi jumlah yang diinsuranskan sebanyak RM500,000.00 atas dandang dan bejana tekanan, dengan kadar premium 0.15% , anda perlu membayar premium sebanyak:

Perlindungan Asas	Jumlah diinsuranskan x kadar premium = Premium RM500,000.00 x 0.15% = RM750.00
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah	RM750.00 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen dibayar kepada perantara insurans (jika ada)	15% daripada premium atau RM112.50
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM60.00
Note: Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.	

4 Maklumat Penting Yang Anda Patut Tahu

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Anda mesti memastikan dandang dan bejana tekanan anda diinsuranskan berdasarkan kos penggantian dandang dan bejana tekanan baru, termasuk kos berkaitan lain misalnya cukai kastam, kos pengangkutan, jika ada, dan kos pemasangan.
- Sekiranya jumlah yang diinsuranskan kurang daripada jumlah yang perlu diinsuranskan, kami hanya akan membayar nisbah tertentu berdasarkan perbandingan jumlah yang diinsuranskan dengan jumlah yang perlu diinsuranskan. Setiap benda yang diinsuranskan jika melebihi dari satu tertakluk kepada syarat ini secara berasingan.
- Syarat sumbangan – Sekiranya pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah polisi ini terdapat mana-mana insurans yang serupa dengan perlindungan di bawah polisi ini, maka kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih daripada kadar sepatutnya bagi tuntutan tersebut.
- Waranti Premium –Premium mesti dibayar dan diterima oleh Allianz dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi. Jika tidak, polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata enam puluh (60) hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium yang dikira berdasarkan kadar tempoh singkat kami bagi tempoh polisi telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minima yang disimpan oleh pihak kami.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/01/2026.